

BAHASA THAI UNTUK KOMUNIKASI SEBAGAI SILIBUS PEMBELAJARAN BAHASA ASING (BAHASA THAI) DI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA, oleh Norizan Che Su. 2009. Penerbit Universiti Putra Malaysia. ISBN 983-41469-0-6.

PENGENALAN

Pembelajaran bahasa asing merupakan salah satu subjek wajib yang ditawarkan di Universiti Putra Malaysia. Subjek bahasa asing ditawarkan dengan silibus pembelajaran tertentu mengikut bahasa dalam 3 tahap. Bagaimapun, kini pelajar daripada Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi hanya perlu melengkapkan tahap 1 dan tahap 2 dalam dua semester sebagai syarat untuk bergraduasi. Namun begitu, pelajar yang ingin mendapatkan sijil bahasa asing daripada fakulti boleh menambah subjek bahasa asing pada semester seterusnya setelah melepasi tahap 1 dan tahap 2 untuk mengambil tahap 3.

Dalam pembelajaran bahasa asing di Universiti Putra Malaysia, pelajar boleh memilih salah satu bahasa daripada pelbagai bahasa asing yang ditawarkan pada setiap semester. Antara salah satu bahasa asing yang ditawarkan hingga tahap 3, iaitu bahasa Thai. Oleh yang demikian, tenaga pengajar bahasa Thai adalah guru dan pensyarah yang dibawa daripada negara Thailand. Hal ini kerana, kemahiran bahasa Thai yang baik begitu penting untuk memberikan kualiti kepada pelajar yang mengambil subjek bahasa asing.

Oleh yang demikian, pensyarah yang mempunyai kemahiran bahasa Thai dan bahasa Melayu yang baik telah menyediakan silibus pembelajaran yang dibukukan bagi kemudahan pelajar. Hal ini kerana, penerbitan buku yang mempunyai silibus khas penting bagi memudahkan pelajar mempelajari bahasa Thai apabila membuat ulangkaji di rumah. Malahan, penyediaan silibus melalui buku lebih teratur kerana keperluan pembelajaran pada setiap semester lebih tersusun.

Buku bertajuk *Bahasa Thai untuk Komunikasi* merupakan buku yang menjadi pegangan bagi subjek bahasa asing (bahasa Thai) di Universiti Putra Malaysia. Buku ini ditulis oleh pensyarah bahasa Thai di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Hasil tulisan Norizan Che Su pada tahun 2009 ini begitu berguna kepada pensyarah bahasa Thai yang lain. Terutamanya, bagi kegunaan pelajar yang mengambil bahasa Thai. Malahan, buku ini merupakan rujukan penting kepada pelajar yang mengambil bahasa Thai bermula tahap 1, 2 dan 3.

SOROTAN KAJIAN

Pengetahuan bahasa asing yang baik merupakan kelebihan kepada seseorang untuk menjalankan sebarang urusan penting dan mendapatkan pekerjaan. Oleh itu, motivasi untuk mempelajari bahasa asing perlu wujud dalam diri setiap pelajar. Idham Kholid (2017) menjalankan kajian tentang motivasi dalam pembelajaran bahasa asing. Kajian ini memfokuskan kepada teori motivasi dalam pembelajaran bahasa asing, iaitu bahasa Inggeris. Antara teori yang diketengahkan dalam kajian ini adalah teori Gardner (1972) yang begitu popular dalam pembelajaran bahasa asing. Oleh yang demikian, kajian ini memberikan ruang untuk kertas penyelidikan ini dalam meneliti pembelajaran bahasa Thai di Universiti Putra Malaysia.

Seterusnya, Zamri Mahamod *et. al.* (2014) menjalankan kajian tentang pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing mengikut kemahiran bahasa dan gred yang diperolehi. Kajian ini memfokuskan kepada pembelajaran bahasa Melayu pelajar asing di IPTS. Kajian rintis dijalankan terhadap 35 orang pelajar asing untuk mendapatkan kesahan dan kajian sebenar melibatkan 500 orang pelajar asing di IPTS. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa strategi

pembelajaran bahasa (SPB) begitu penting kepada pensyarah bahasa Melayu abgi menarik minat pelajar asing untuk dalam penguasaan bahasa Melayu. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini memperlihatkan bagaimana strategi pensyarah bahasa Thai yang digunakan kepada pelajar Malaysia yang mengambil subjek bahasa asing (bahasa Thai) di Universiti Putra Malaysia.

Kemudian, Lau Su Kia *et, al.* (2012) menjalankan kajian berkaitan pengajaran dan pembelajaran bahasa Cina dalam menggalakkan interaksi pelbagai kaum. Kajian yang dijalankan ini memfokuskan kepada kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan kepada pelajar yang mengambil bahasa Cina sebagai bahasa asing. Hal ini kerana, pelajar Melayu merupakan yang paling ramai mengambil subjek bahasa Cina, diikuti bangsa India dan bumiputera. Hasil dapatan menunjukkan bahawa bahasa Cina perlu dipelajari dengan latihan, komunikasi dan aplikasi. Maka, kaedah ini menunjukkan pelajar tidak boleh belajar secara berseorangan. Galakan kepada pelajar supaya bertutur dalam bahasa Cina dapat membantu meningkatkan kemahiran bahasa asing yang diambil. Maka, kajian ini memberikan ruang bagaimana kaedah pembelajaran bahasa Thai dengan menggunakan buku *Bahasa Thai untuk Komunikasi* yang digunakan di Universiti Putra Malaysia bagi meningkatkan kemahiran pelajar.

Selain itu, Ghazali Yusri *et, al.* (2012) menjalankan kajian tentang sikap pelajar terhadap pembelajaran kemahiran lisan bahasa Arab di Universiti Teknologi Mara (UiTM). Kajian ini memfokuskan kepada dua perkara, iaitu sikap terhadap pengajaran bahasa dan sikap pelajar terhadap bahasa Arab. Antara aspek yang diteliti adalah sikap pelajar kognitif, afektif dan konatif. Dapatan kajian menunjukkan terdapat pelajar yang menganggap bahawa bahasa Arab adalah mudah bagi pelajar yang mempunyai asas. Bagaimanapun, terdapat pelajar yang menganggap bahasa Arab tidak penting sebagai ulang kaji walaupun mereka tidak mempunyai asas dalam bahasa Arab. Oleh yang demikian, kajian lepas memberikan ruang untuk melihat sejauh mana buku pegangan bahasa Thai, iaitu *Bahasa Thai untuk Komunikasi* digunakan dalam pembelajaran bahasa asing.

Kajian berkaitan pembelajaran bahasa asing juga dijalankan oleh Radha Nambiar *et, al.* (2008) tentang penggunaan strategi pembelajaran bahasa dalam kalangan pelajar tingkatan dua di sekolah menengah di negeri Johor. Seramai 315 orang pelajar daripada tiga buah sekolah telah terlibat dalam kajian ini. Kajian memfokuskan kepada strategi pembelajaran iaitu, penggunaan strategi kognitif, penggunaan strategi mekakognitif, penggunaan strategi kompensasi dan penggunaan strategi memori. Hasil menunjukkan strategi memori paling kerap digunakan dalam pembelajaran bahasa Inggeris sepanjang kajian dijalankan. Oleh itu, lompang kajian ini diisi dengan menganalisis *Buku Bahasa Thai untuk Komunikasi* sebagai pengajaran bahasa Thai yang dipraktikkan kepada pelajar yang mengambil subjek bahasa asing itu di Universiti Putra Malaysia. Hal ini kerana, penggunaan buku yang menjadi silibus pembelajaran begitu penting kerana boleh menjadi rujukan pelajar bagi ulang kaji di luar kelas.

OBJEKTIF KAJIAN

Secara khususnya kajian ini bertujuan meneliti tiga objektif kajian, iaitu:

- i. Mengetahui kandungan silibus buku *Bahasa Thai untuk Komunikasi* yang digunakan sebagai pegangan untuk pembelajaran bahasa asing di Universiti Putra Malaysia.
- ii. Mengulas kandungan buku yang digunakan pelajar Universiti Putra Malaysia sebagai silibus pembelajaran bahasa Thai.
- iii. Menganalisis kandungan bab dalam buku *Bahasa Thai untuk Komunikasi*.

METODOLOGI

Kajian yang dijalankan ini merupakan penyelidikan berbentuk analisis kandungan buku yang menjadi pegangan dalam pembelajaran bahasa asing (bahasa Thai) di Universiti Putra Malaysia. Oleh itu, bagi menjawab objektif kajian maka 12 bab daripada buku *Bahasa Thai untuk Komunikasi* dianalisis dan diulas.

Kajian yang dijalankan ini mengambil sampel daripada *silibus* pembelajaran dalam buku *Bahasa Thai untuk Komunikasi*. Buku ini merupakan salah satu pegangan yang penting kepada pelajar yang mengambil subjek bahasa asing (bahasa Thai) di Universiti Putra Malaysia. Penulis buku ini adalah Norizan Che Su merupakan salah seorang pensyarah bahasa Thai di Universiti Putra Malaysia yang berasal daripada Thailand. Sebanyak 12 bab diambil sebagai sampel bagi menjawab objektif kajian.

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah kandungan yang terdapat dalam buku *Bahasa Thai untuk Komunikasi* yang ditulis oleh Norizan Che Su. Oleh itu, kajian ini bersifat analisis kandungan bahan pembelajaran yang telah dimuatkan dalam buku tersebut. Penulisan kajian diperkukuhkan lagi dengan bantuan buku rujukan di perpustakaan, jurnal, prosiding dan makalah akademik lain. Malahan, penggunaan kamus bahasa Thai- Melayu digunakan untuk menjalankan penyelidikan ini.

Dapatan Kajian

Buku *Bahasa Thai untuk Komunikasi* merupakan salah satu penulisan ilmiah Dr. Norizan Che Su. Beliau merupakan pensyarah bahasa Thai di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia yang berasal daripada negara Thailand. Oleh itu, beliau bertanggungjawab mengajar bahasa Thai sebagai subjek bahasa asing di FBMK, UPM. Selain itu, *Bahasa Thai untuk Komunikasi* telah diterbitkan pada tahun 2009 yang mengandungi sebanyak 120 muka surat.

Silibus yang terdapat dalam buku *Bahasa Thai untuk Komunikasi* merangkumi perbualan seharian dan perbendaharaan kata. Oleh itu, buku ini memfokuskan kepada bahasa yang digunakan dalam komunikasi manusia. Selain itu, buku ini begitu praktikal untuk digunakan sebagai rujukan pelajar. Tambahan lagi, bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa pengantar dalam pembelajaran bahasa Thai komunikasi. Malahan, terdapat fonetik yang disediakan bagi memudahkan sebutan dalam bahasa Thai kepada pelajar yang mengambil subjek ini.

Oleh itu, di bawah adalah Jadual 1.0 menunjukkan 12 bab yang terkandung dalam buku *Bahasa Thai untuk Komunikasi* berdasarkan isi kandungan dan sub judul yang terdapat dalam buku tersebut.

BAB	KANDUNGAN	MUKA SURAT
1	Ungkapan Sehari-Hari	7
	Latihan	8
2	Ganti Nama Diri	9
	Latihan	12
3	Berkenalan	13
	Struktur Ayat	19
	Latihan	20
4	Kewarganegaraan	21
	Struktur Ayat	26
	Latihan	27

BAB	KANDUNGAN	MUKA SURAT
5	Apa Khabar Struktur Ayat Latihan	30 37 38
6	Pekerjaan Struktur Ayat Latihan	39 47 48
7	Nak Pergi Ke Mana Struktur Ayat Latihan	50 63 64
8	Keluarga Struktur Ayat Latihan	69 75 76
9	Lokasi Struktur Ayat Latihan	78 83 83
10	Masa Lapang Struktur Ayat Latihan	85 95 96
11	Pukul Berapa Struktur Ayat Latihan	99 105 105
12	Di Kedai Kasut Struktur Ayat Latihan	107 112 112

Jadual 1.0: Kandungan Bab dalam Buku *Bahasa Thai untuk Komunikasi*.

Hasil analisis mendapati kandungan buku *Bahasa Thai untuk Komunikasi* memfokuskan aspek komunikasi yang digunakan setiap hari. Oleh itu, bab 1 adalah ungkapan yang digunakan setiap hari apabila bertemu sesiapa sahaja secara umum. Malahan, dalam buku ini terdapat visual dalam bentuk dialog perbualan. Bab 2 merupakan ganti nama diri yang perlu digunakan oleh lelaki, perempuan dan ketika memanggil orang lain dengan panggilan hormat. Seterusnya, bab 3 adalah berkenalan dan bagaimana perlu memperkenalkan diri kepada orang lain dalam bahasa Thai. Malahan, dalam bab 3 terdapat perbendaharaan kata untuk sistem panggilan dalam keluarga. Bab 4 pula adalah komunikasi yang perlu digunakan untuk memperkenalkan kewarganegaraan seseorang.

Seterusnya, dalam bab 5 buku ini dimuatkan juga komunikasi untuk bertanyakan khabar seseorang sama ada sihat atau sakit. Selain itu, dalam bab 5 juga terdapat perbualan yang perlu diungkapkan apabila sakit dan berjumpa doktor. Melalui bab 6 buku ini pelajar dapat mengetahui tentang pekerjaan seseorang dan bagaimana cara berkomunikasi untuk bertanya dan menceritakan tentang pekerjaan masing-masing. Tajuk bagi bab 7 adalah “Nak Pergi Ke Mana” yang merujuk kepada perbualan yang melibatkan dua orang. Hal ini, menunjukkan komunikasi dalam bab 7 bertujuan menunjukkan keramahan menegur dan bertanya tujuan orang lain hendak ke mana dalam bahasa Thai. Malahan, dalam bab 7 juga dimuatkan perbendaharaan kata sistem panggilan keluarga dalam bahasa Thai secara visual dan teks. Bab 8 pula merupakan kesinambungan daripada bab 7 tentang keluarga. Dalam bab 8 cara berkomunikasi dalam

keluarga ditulis secara dialog yang menunjukkan keramahan bertanya khabar yang berunsurkan kekeluargaan.

Kemudian, analisis kandungan dalam bab 9 merupakan komunikasi tentang Lokasi tempat tinggal seseorang, bagaimana cara bertanya dan memberikan jawapan yang sopan dalam bahasa Thai. Bab 10 pula memuatkan tentang komunikasi bagi bertanyakan tentang masa lapang seseorang. Lazimnya, masa lapang menjadi salah satu topik perbualan dalam kalangan pelajar yang masih menuntut di kampus. Bagi komunikasi tentang waktu ia telah dimuatkan dalam bab 11 buku ini. Waktu begitu penting dalam komunikasi seharian. Maka, dalam bab 11 juga sistem sebutan dan pengiraan waktu yang berbeza dengan Malaysia dimuatkan dalam bab ini. Bab akhir dalam buku ini adalah bab 12 yang menunjukkan komunikasi dalam kedai kasut. Bab akhir ini penting sebagai asas komunikasi untuk membeli barang, menawar harga barang dan bertanyakan harga barangan dalam bahasa Thai.

Oleh itu, pengarang memfokuskan kepada aspek keperluan dan kepentingan dalam komunikasi. Hal ini kerana, sasaran pembaca dan pengguna adalah dalam kalangan pelajar yang mengambil bahasa Thai di UPM. Oleh itu, cara penulisan dalam buku ini lebih menekankan cara sebutan yang betul dalam bahasa Thai apabila berkomunikasi berbanding penulisan. Malahan, banyak kebaikan penyediaan fonetik oleh pengarang dalam buku ini.

Walau bagaimanapun, pengarang juga memfokuskan kepada keperluan penggunaan bahasa Thai dalam komunikasi yang berguna kepada pelancong. Selain itu, focus utama dalam perbualan yang digarap oleh pengarang menunjukkan keperluan ayat dalam komunikasi untuk memulakan perbualan. Hal ini kerana, sasaran pelajar bagi penulisan buku ini adalah pelajar yang tidak mahir berbahasa Thai dan mengambil subjek bahasa Thai permulaan.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, keperluan komunikasi asas telah dimuatkan dengan baik dalam 12 bab yang terkandung dalam buku *Bahasa Thai untuk Komunikasi*. Malahan, dalam 12 bab tersebut diberikan perbendaharaan kata tambahan bagi membantu pelajar mempelajari perkataan baru dalam bentuk simbol dan fonetik. Selain itu, terdapat latihan menyebut, membina ayat dan menyusun ayat pada setiap bab. Kemudian, kaedah pembelajaran bahasa Thai yang digunakan begitu membantu penguasaan bahasa Thai kepada pelajar dengan pelbagai cara. Antaranya, latihan menyebut, menulis perkataan dalam tulisan Thai dan penulisan esei mengikut tahap bagi menguji pengetahuan tatabahasa pelajar. Seterusnya, pembelajaran bahasa Thai sebagai bahasa asing memberikan kebaikan kepada pelajar yang mempunyai ijazah dalam kerjaya. Hal ini kerana, kemahiran bahasa asing merupakan kelebihan mendapatkan pekerjaan dalam kerajaan (duta dan petugas di sempadan). Malahan, boleh mendapatkan pekerjaan dalam sektor pelancongan dan perniagaan. Adalah diharapkan kajian yang dijalankan ini dapat memberikan input yang baik kepada pelajar yang mengambil subjek bahasa asing di universiti.

Siti Noridayu Abd. Nasir
Universiti Putra Malaysia